

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : JAMUAN MAKAN MALAM SEMPERA PERSIDANGAN PENGARAH DAN
KONVENSYEN KMK PERINGKAT JABATAN, JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
Lokasi : INSPEN, BANGI
Tarikh : 11-12-1993

Falsafah KMK adalah berdasarkan pengurusan secara penyertaan dan kemanusiaan. Apabila program KMK dilaksanakan dengan jayanya oleh sesuatu jabatan, maka jabatan tersebut akan memperolehi faedah yang bersifat ketara dan faedah yang bersifat tidak ketara.

Pekerja-pekerja bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah-masalah kerja malah mereka dapat memahami soal kerja mereka dengan lebih mendalam. Ini disebabkan KMK melibatkan analisis dan proses kerja yang mementingkan data dalam membuktikan kebenaran dalam aspek analisis masalah dan keputusan. Semua ini akan dapat mewujudkan peningkatan dalam daya pengeluaran dan menjamin setiap pekerja menikmati suasana bekerja yang lebih harmoni dan berkualiti.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Muhamad Nawawi bin Haji Mohd. Arshad, Ketua Pengarah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta oleh kerana sudi mengundang saya dan isteri ke Jamuan Makan Malam ini, iaitu kemuncak kepada aktiviti-aktiviti:

- (i) bengkel TQM untuk Pengarah-pengarah dan Penilai Daerah;
- (ii) persidangan Pengarah-Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kali Ke 36; dan
- (iii) konvensyen KMK bagi Peringkat Jabatan.

Ketiga-tiga aktiviti ini adalah merupakan aktiviti-aktiviti yang penting. Saya mengucapkan tahniah kepada semua ahli JPPH yang telah bekerja keras untuk meninggikan kualiti dan produktiviti jabatan ini.

Meninggikan kualiti dan menaikkan produktiviti bukanlah perkara yang mudah dan bukan juga hanya boleh disebut-sebut sahaja. Ianya memerlukan komitmen yang tinggi dan disokong oleh daya kreativiti. Kedua-dua faktor ini akan melahirkan inovasi. Dalam konteks inilah konvensyen KMK yang tuan-tuan adakan ini mempunyai makna yang besar.

KMK adalah struktur yang cukup berkesan bagi menyemai bibit-bibit ciptaan perubahan dalam jabatan. Pengalaman masa lalu telah menunjukkan bahawa KMK mempunyai kemampuan untuk menghasilkan idea-idea yang bernas yang dapat mempertingkatkan kualiti dan produktiviti kerja. Sebab itulah budaya KMK semakin berkembang di serata dunia. Pada masa ini terdapat kira-kira 3 juta KMK berdaftar di negara-negara Asia Timur seperti Korea, Taiwan, Singapura, Jepun, China, Malaysia dan sebagainya. Di negara Jepun sahaja terdapat 1.5 juta KMK yang giat menyokong program-program perindustrian negara tersebut. Saya akui bahawa tugas menggerakkan perubahan dalam apa jua organisasi bukanlah sesuatu yang mudah. Berbagai rintangan dan halangan perlu kita hadapi apabila kita memperkenalkan idea-idea baru. There is nothing more difficult to take in hand, more perilous to conduct, or more uncertain in its success than to take the lead in the introduction of a new order of things.

Proses perubahan perlu sekali dirancang dengan berkesan supaya ianya didasarkan kepada wawasan yang jelas dan dapat dikongsi bersama oleh anggota-anggota dalam jabatan. If we are trying to persuade someone to change we need to have a clear vision of what we want to achieve. This vision needs to be practical, with a clear explanation about why, what and, possibly, how, it is to be done.

Dengan sokongan wawasan seperti ini maka unsur-unsur penentangan oleh anggota akan dapat diatasi dan digantikan dengan semangat kerjasama serta komitmen terhadap perubahan yang hendak dibawa. Sesuatu proses perubahan itu tidak semestinya memerlukan tambahan peruntukan kewangan ataupun tenaga kerja. Perubahan-perubahan tidak semestinya perlu dimulakan secara besar-besaran. Sekecilmana sekalipun perubahan yang dijalankan ianya tetap penting kepada peningkatan prestasi agensi berkenaan. Oleh yang demikian agensi-agensi perlu pada sepanjang masa mengenalpasti

peluang- peluang membuat perubahan dalam berbagai aspek operasinya.

Dalam kegairahan melaksanakan perubahan-perubahan dan pembaharuan, agensi-agensi kerajaan juga perlu menitikberatkan aspek pengukuran prestasi dan pengukuran produktiviti. Kita perlu mengukur oleh kerana ingin mengetahui pencapaian kita itu pada sesuatu masa, hasil daripada perubahan-perubahan atau pembaharuan yang dijalankan. Tanpa maklumat ini, maka adalah sukar bagi kita untuk mengawal proses perubahan tersebut dan seterusnya menjamin pencapaian matlamat-matlamat yang ditentukan. Seorang tokoh pengurusan pernah berkata: to improve productivity, you must manage; to manage effectively, you must control; to control consistently, you must measure.

Pengukuran prestasi adalah fungsi pengurusan yang amat penting bagi semua agensi-agensi kerajaan. Adalah diakui bahawa productivity measurement is by no means an exact science. Ini bermakna tidak ada pendekatan pengukuran yang bersifat universal yang boleh digunakan dalam semua keadaan dan masa. Oleh itu setiap agensi perlu menggubal sendiri pendekatan dan cara pengukuran prestasi atau produktiviti yang sesuai dengan corak operasi organisasi masing-masing.

Sebuah buku yang bertajuk "Panduan Mengenai Pewujudan Penunjuk Prestasi Di Agensi- agensi Kerajaan" telahpun diedarkan kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, dan saya berharap bahawa perkara pengukuran ini hendaklah dijalankan dengan lebih sempurna daripada masa yang telah sudah.

Saya ingin sekali lagi untuk mengingatkan semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam supaya menjalankan tugas masing- masing dengan jujur dan ikhlas, iaitu honesty.

The most important person to be honest with is yourself.

There are no degrees of honesty, either you are honest or dishonest. Pegawai-pegawai dan anggota Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta ini adalah terdedah kepada peluang-peluang yang membolehkan seseorang itu menjadi tidak jujur. All men are honest - until they are faced with a situation tempting enough to make them dishonest. Pendapat dan laporan pegawai-pegawai daripada jabatan ini adalah diperlukan bagi berbagai tujuan seperti pengambilan balik tanah, menentukan premium tanah, menilai harta untuk tujuan pembelian oleh Kerajaan dan sebagainya. Laporan penilaian jabatan itu adalah dianggap sebagai expert evidence di Mahkamah, dan Jabatan-jabatan Kerajaan menerimanya sebagai nilai yang muktamad dari segi Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan memerlukan pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang benar-benar jujur (honest) daripada jabatan ini. An honest man alters his ideas to fit the truth, and a dishonest man alters the truth to fit his ideas. No one will ever know of your honesty unless you give out some samples of it.

Tuan-tuan dan puan-puan yang bertugas sebagai Pegawai Penilai tidak boleh samasekali lalai dari menjalankan tugas.

Sesuatu pekerjaan itu hendaklah dibuat dengan penuh tekun, amanah, ikhlas dan berdedikasi. Sifat-sifat seperti ini adalah amat perlu sekali semata-mata untuk menghasilkan keadilan kepada semua. Segala tugas yang kita terima adalah merupakan tanggungjawab yang pasti dipersoalkan di hari kemudian kelak. Untuk memastikan agar keadilan dicapai, tuan-tuan dan puan-puan harus menggunakan teknik yang tepat dan sesuai supaya penilaian yang dibuat itu benar-benar mencerminkan nilai yang sebenar. Sekiranya teknik yang digunakan itu tidak dapat menghasilkan penilaian yang tepat, ia akan membawa kerugian kepada salah satu pihak. Kerugian seperti ini adalah dianggap sebagai suatu ketidakadilan atau kezaliman yang benar- benar ditegah oleh Islam. Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Al- Quran surah Al-An'am, ayat 152 dan 153 yang bermaksud : "dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil; kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya; dan apabila kamu mengatakan sesuatu, maka hendaklah kamu berkata-kata dengan adil, sekalipun orang itu adalah hubungan kerabat (dengan kamu); dan hendaklah kamu sempurnakan Perjanjian Allah; dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu ingat (dan mematuhiNya).

Dan bahawa sesungguhnya inilah JalanKu, yang betul lurus; maka hendaklah kamu mengikutinya; dan

janganlah kamu menurut jalan-jalan (jalan yang lain lagi); kerana jalan-jalan (yang lain itu) akan mencerai-beraikan kamu daripada JalanNya (Yang Agung) itu: dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa". Daripada ayat di atas, amat jelas sekali bahawa tanggungjawab yang diberikan itu merupakan tanggungjawab yang termampu dilakukan. Tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik ke jawatan ini sudah tentu dengan izin Allah jua dan pasti pula mempunyai kemampuan yang secukupnya untuk melaksanakan segala tugas dengan baik dan cekap. Setelah melakukan penilaian dengan cara yang paling cekap tadi, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah juga membuat laporan yang berdasarkan fakta dan hakikat yang benar dan bukan berdasarkan unsur-unsur lain. Hal inilah yang ditekankan oleh ayat di atas tentang tuntutan untuk berkata benar. Inilah merupakan pedoman atau jalan yang ditunjukkan oleh Allah s.w.t.

sendiri, iaitu satu jalan yang lurus, yang benar dan adil.

Nasihat saya kepada semua pegawai Jabatan ini adalah to live your life that your autograph will be wanted instead of your fingerprints". Dengan peringatan ini, saya sudahi ucapan saya dengan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas undangan ini.